

REVISION 1

181st Annual General Conference
Saturday Afternoon Session, April 2, 2011

Keinginan

Elder Dallin H. Oaks

Dari Korum Dua Belas Rasul

Saya telah memilih untuk bercakap tentang kepentingan *keinginan*. Saya berharap agar setiap kita akan mencari dalam hati kita untuk menentukan apa yang kita betul-betul ingin dan bagaimana kita mengutamakan keinginan kita yang terpenting.

Keinginan menentukan keutamaan kita, keutamaan membentuk pilihan kita, dan pilihan menentukan tindakan kita. Keinginan yang padanya kita bertindak menentukan bagaimana kita berubah, apa yang kita mencapai, dan apa yang kita menjadi.

Pertama, saya bercakap tentang beberapa keinginan biasa. Sebagai manusia biasa kita mempunyai beberapa keperluan fizikal yang biasa. Keinginan untuk memuaskan keperluan ini mendorong pilihan kita dan menentukan tindakan kita. Tiga contoh akan menunjukkan bagaimana kita kadang-kadang menggantikan keinginan-keinginan ini dengan keinginan yang lain yang kita anggap lebih penting.

Yang pertama, makanan. Kita mempunyai keperluan biasa akan makanan, tetapi keinginan itu boleh digantikan dengan keinginan yang lebih kuat untuk berpuasa.

Yang kedua, tempat berlindung. Sebagai budak berumur 12 tahun saya menahan diri dari tempat berlindung kerana keinginan saya yang besar untuk memenuhi syarat Boy Scout untuk bermalam di hutan satu malam. Saya merupakan salah satu dari beberapa budak lelaki yang tinggalkan khemah yang selesa dan dapat membina tempat berlindung dan membuat katil primitif dari bahan-bahan semula jadi yang dapat kami jumpai.

Yang ketiga, tidur. Bahkan keinginan yang biasa ini dapat digantikan secara sementara dengan keinginan yang lebih penting lagi. Sebagai askar muda dalam Utah National Guard, saya belajar contoh mengenai hal ini dari seorang pegawai yang berpengalaman dalam pertempuran.

Semasa bulan-bulan awal Peperangan Korea, satu unit artillery padang dari Richfield Utah National Guard dipanggil ke dalam perkhidmatan aktif. Unit ini, yang dipimpin oleh Kapten Ray Cox, terdiri daripada kira-kira 40 lelaki Mormon. Setelah latihan tambahan dan peneguhan oleh askar simpanan dari tempat lain, mereka dihantar ke Korea, di mana mereka mengalami beberapa dari pertempuran yang paling ganas dalam peperangan itu. Dalam satu pertempuran, mereka terpaksa menangkis serangan langsung oleh beratus-ratus infantri musuh, yang mana jenis serangan mengatasi dan memusnahkan unit-unit artillery padang yang lain.

Apa kepentingan cerita ini dalam mengatasi tidur? Pada satu malam yang amat penting, bila infantri musuh telah masuk melalui barisan pertahanan hadapan dan ke dalam kawasan belakang yang di mana artillery berada, Kapten minta agar talian telefon padang masuk khemahnya dan mengarahkan semua barisan pengawal agar menelefon dia secara peribadi setiap jam sepanjang malam. Ini menyebabkan para pengawal agar tidak tertidur, tetapi ini juga membuat banyak gangguan untuk Kapten semasa tidur. “Bagaimana kamu dapat melakukan itu?” saya tanya dia. Jawabannya menunjukkan kuasa keinginan yang menguasai.

“Saya tahu bahawa jika kami dapat balik ke negara kami saya akan berjumpa ibu bapa para askar itu di jalan di bandar kami yang kecil, dan saya tidak mahu berhadapan dengan mereka kalau anak lelaki mereka dibunuh oleh kerana sesuatu yang saya gagal melakukan sebagai komandernya.”¹

Betapa baik contoh ini akan cara mementingkan keinginan pada keutamaan dan tindakan! Betapa berkuasa contoh ini untuk kita semua yang bertanggungjawab atas kebaikan orang lain—para ibu bapa, para pemimpin Gereja dan para pengajar.

Sebagai kesimpulan untuk cerita itu, pada awal pagi selepas malam itu di mana dia tidak tidur Kapten Cox memimpin para askarnya dalam serang balas terhadap infantri musuh. Mereka mengambil lebih daripada 800 tawanan dan hanya ada dua orang cedera. Cox dianugerahi untuk keberanian, dan unitnya diberikan Presidential Unit Citation untuk

keperwiraan mereka yang luar biasa. Dan, seperti para pahlawan Helaman (lihat Alma 57:25-26), mereka semua dapat pulang. 2

Kitab Mormon mengandungi banyak ajaran tentang kepentingan keinginan.

Setelah merayu dengan Tuhan berjam-jam lamanya, Enos diberitahu bahawa dosa-dosanya diampuni. Selepas itu dia “mulai merasakan sesuatu keinginan” akan kebaikan saudara-saudaranya. Dia menulis: “Dan... setelah saya berdoa dan bekerja dengan segenap ketekunan, Tuhan berfirman kepada saya: Aku akan memberikan kepadamu sesuai dengan keinginanmu, kerana imanmu.” Perhatikanlah tiga hal yang sangat penting yang mendahului berkat yang dijanji: keinginan, pekerjaan, dan iman.

Dalam khutbahnya tentang iman, Alma mengajar bahawa iman dapat bermula dengan “tidak lebih daripada satu keinginan untuk bekerja” jika kita “membiarkan keinginan ini bekerja dalam diri kita.” (Alma 32:27).

Satu ajaran lagi yang baik tentang keinginan, terutamanya tentang apa yang patut menjadi keinginan kita yang terunggul, terjadi dalam pengalaman raja orang Laman semasa diajar oleh misionari Harun. Bila raja menjadi berminat dengan ajaran Harun, dia bertanya, “Apa yang harus saya lakukan agar saya dapat dilahirkan dari Tuhan” dan “memperoleh hidup yang abadi ini?” (Alma 22:15). Harun membalas: “Jika kamu menginginkan hal ini... jika kamu mahu bertaubat atas dosa-dosamu dan mahu menundukkan diri di hadapan Tuhan dan menyerukan namaNya di dalam iman, percaya bahawa kamu akan menerima, maka kamu akan menerima pengharapan yang kamu inginkan.”

Raja itu berbuat demikian, dan dalam doa yang berkuasa dia mengisytiharkan, “Saya akan membuang segala dosa saya untuk mengenal Kamu... dan diselamatkan pada hari terakhir.” Dengan tekad itu dan dengan mengenali apa keinginannya yang terunggul, doanya dijawab secara sungguh mengajaibkan.

Nabi Alma mempunyai keinginan besar untuk mengajar pertaubatan kepada semua orang, tetapi dia menjadi faham bahawa dia tidak patut menginginkan kuasa yang hebat ini yang diperlukan kerana, dia menyimpulkan, “Tuhan yang adil... memberikan kepada manusia sesuai dengan kehendak mereka, sama ada itu untuk kehancuran atau keselamatan.” (Alma 29:4). Juga, dalam wahyu moden Tuhan mengisytiharkan bahawa

Dia “akan menghakimi semua orang sesuai dengan pekerjaan mereka, sesuai dengan keinginan hati mereka.” (A&P 137:9)

Adakah kita betul-betul sedia untuk Hakim kita yang Abadi meletakkan kepentingan besar ini pada apa yang kita betul-betul ingin?

Banyak ayat suci bercakap tentang apa yang kita ingin dari segi apa yang kita mencari. “Dia yang mencari Aku pagi-pagi akan menemukan Aku, dan tidak akan ditinggalkan” (A&P 88:83). “Carilah dengan sungguh hati kurnia-kurnia yang terbaik” (A&P 46:8). “Orang yang dengan tekun mencari akan menemukan” (1 Ne. 10:19). “Mendekatlah kepadaKu dan Aku akan mendekat kepadamu; carilah Aku dengan tekun dan kamu akan menemukan Aku; mintalah, dan kamu akan menerima; ketuklah, dan hal itu akan dibukakan untukmu” (A&P 88:63).

Menyesuaikan keinginan kita untuk memberi kepentingan yang tertinggi kepada hal-hal keabadian adalah bukan mudah. Kita semua digoda untuk menginginkan empat hal duniawi itu, iaitu harta, keagungan, kesombongan, dan kuasa. Kita mungkin ingin hal-hal ini, tetapi hal-hal ini tidak patut menjadi keutamaan kita yang tertinggi.

Mereka yang keinginannya yang tertinggi adalah untuk mendapat barang kepunyaan jatuh ke dalam perangkap hal-hal duniawi. Mereka tidak mengendahkan amaran: “Janganlah mencari kekayaan ataupun hal-hal yang sia-sia dari dunia ini” (Alma 39:14).

Mereka yang mencari keagungan atau mencari kuasa seharusnya ikut teladan Kapten Moroni yang berani, yang pelayanannya bukan “untuk kuasa” atau untuk “kehormatan dunia” (Alma 60:36).

Bagaimana kita mengembangkan keinginan? Hanya beberapa orang akan terkena jenis krisis yang memotivasikan Aaron Ralston,³ tetapi pengalamannya memberi pelajaran yang berharga tentang mengembangkan keinginan. Ketika Ralston berjalan kaki di sebuah kanyon terpencil di bahagian Selatan negeri Utah, sebuah batu yang beratnya 363 kilogram bergerak dengan tiba-tiba dan memerangkap lengannya. Selama lima hari yang sunyi dia berusaha membebaskan dirinya. Bila dia mahu berputus asa dan mengaku takdirnya, iaitu kematian, dia mempunyai mimpi tentang seorang budak lelaki berumur 3 tahun yang berlari kepada dia lalu diangkat oleh dia dengan lengan kirinya. Memahami

ini sebagai visi tentang anak lelakinya yang bakal dan keyakinan bahawa dia dapat hidup selamat, Ralston mengumpulkan keberanian dan melakukan tindakan drastik untuk menyelamatkan nyawanya sebelum kekuatannya kehabisan. Dia mematahkan dua tulang dalam lengan kanannya yang terperangkap dan menggunakan pisau untuk memotong lengan itu. Selepas itu dia mengumpulkan kekuatan untuk berjalan kaki 8 kilometer mencari pertolongan.⁴ Betapa baik contoh ini tentang kuasa keinginan yang sangat besar! Bila kita mempunyai visi tentang apa yang dapat kita menjadi, keinginan kita dan kuasa kita untuk bertindak bertambah banyak.

Kebanyakan kita tidak akan menghadapi krisis yang begitu luar biasa, tetapi kita semua menghadapi perangkap yang bakal yang akan menghalangi kemajuan kepada destinasi abadi kita. Jika keinginan kita yang baik cukup sungguh, keinginan-keinginan itu akan memotivasikan kita untuk memotong dan mengukir diri kita supaya bebas dari ketagihan dan ketekanan berdosa yang lain dan keutamaan-keutamaan yang menghalangi kemajuan abadi kita.

Kita patut ingat bahawa keinginan yang baik tidak boleh palsu, suka mengikut gerak hati, atau sementara. Keinginan-keinginan itu mesti amat sungguh, kukuh, dan tetap. Dengan motivasi itu, kita akan mencari keadaan itu yang digambarkan oleh Nabi Joseph Smith, di mana kita telah “mengatasi semua kejahatan kehidupan kita dan menghilangkan setiap keinginan akan dosa.”⁵ Itu merupakan keputusan yang sangat peribadi. Seperti yang Elder Neal A. Maxwell katakan:

“Bila orang digambarkan sebagai ‘yang sudah menghilangkan keinginan akan dosa,’ ialah mereka, dan mereka saja, yang sengaja memilih untuk menghilangkan setiap keinginan-keinginan yang salah itu dengan menjadi rela untuk ‘membuang semua dosa mereka’ untuk mengenal Tuhan...”

“Oleh itu, apa yang kita sentiasa ingin, dengan masa, adalah apa yang kita akan akhirnya menjadi dan apa yang kita akan menerima dalam keabadian.”⁶

Menghilangkan setiap keinginan akan dosa adalah sangat penting, tetapi hidup abadi memerlukan lebih. Untuk mencapai matlamat abadi kita, kita akan ingin dan bekerja untuk sifat-sifat yang perlu untuk menjadi sosok yang abadi. Contohnya, sosok-sosok yang abadi mengampuni semua yang telah berlaku tidak adil terhadap mereka. Mereka mementingkan kebaikan orang lain lebih daripada kebaikan mereka sendiri. Dan mereka

mengasihi semua anak-anak Tuhan. Jika ini nampak terlalu susah—dan ini pasti bukan mudah untuk kita—kita patut bermula dengan keinginan untuk sifat-sifat yang demikian, dan meminta kepada Bapa kita di Syurga yang mengasihi untuk pertolongan dengan perasaan kita. Kitab Mormon mengajar kita bahawa kita patut “berdoa kepada Bapa dengan segala kekuatan hati, supaya [kita] boleh dipenuhi dengan kasih ini, yang telah Dia berikan kepada semua orang yang menjadi para pengikut sejati PuteraNya, Yesus Kristus” (Mor. 7:48).

Saya menutup dengan satu contoh keinginan lagi yang patut menjadi yang terpenting bagi semua lelaki dan perempuan—mereka yang sudah kahwin dan mereka yang masih bujang. Semua orang patut ingin dan bekerja dengan tekun untuk mempunyai perkahwinan untuk keabadian. Mereka yang sudah mempunyai perkahwinan bait suci patut melakukan semua yang dapat mereka lakukan untuk mengekalkannya. Mereka yang masih bujang patut menginginkan perkahwinan bait suci dan mengutamakan usaha-usaha untuk mendapatkannya. Para remaja dan orang mudah yang masih bujang patut menolak konsep yang betul secara politik tetapi yang salah secara abadi yang membuang kepentingan perkahwinan dan keluarga.⁷

Lelaki yang masih bujang, fikirkanlah cabaran dalam surat ini yang ditulis oleh seorang saudari yang bujang. Dia merayu untuk “anak-anak perempuan Tuhan yang solehah yang mencari dengan ikhlas seorang pasangan hidup yang layak, tetapi semua lelaki nampaknya buta dan keliru dengan sama ada ia menjadi tanggungjawab mereka untuk mencari yang pilihan dari anak-anak perempuan Bapa kita di Syurga yang sungguh hebat ini dan berdating dengan mereka dan menjadi rela membuat dan mengekalkan perjanjian suci dalam rumah Tuhan.” Dia menyimpulkan: “Ada banyak lelaki LDS yang bujang yang suka bersenang-senang, dan pergi berdating dan bersuka-suka, tetapi yang langsung tidak mempunyai keinginan untuk membuat tekad jenis apapun kepada seorang perempuan.”⁸

Saya pasti bahawa ada beberapa pemuda yang mencari dengan sungguh yang ingin agar saya menambahkan bahawa ada beberapa pemudi yang keinginannya untuk perkahwinan yang layak dan anak-anak adalah ditempatkan jauh di bawah keinginan mereka untuk kerjaya atau hal-hal duniawi yang lain. Lelaki dan perempuan kedua-dua perlukan keinginan yang baik yang akan memimpin mereka ke hidup yang abadi.

Mari kita ingat bahawa keinginan menentukan keutamaan kita, keutamaan membentuk pilihan kita, dan pilihan menentukan tindakan kita. Tambahan, ialah tindakan dan

keinginan kita yang menyebabkan kita menjadi sesuatu, sama ada seorang kawan sejati, seorang pengajar yang berbakat, atau seseorang yang telah malayakkan diri untuk hidup abadi.

Saya bersaksi akan Yesus Kristus, yang kasihNya, yang ajaranNya dan yang korban tebusanNya membuat segala-galanya mungkin. Saya berdoa agar lebih dari apapun kita akan berkeinginan menjadi seperti Dia dan agar pada satu hari nanti kita dapat kembali ke hadiratNya untuk menerima kebahagiaanNya yang penuh. Dalam nama Yesus Kristus, amin.

Nota

1. Nota-nota peribadi dari temu duga saya dengan Ray Cox, Mt. Pleasant, Utah, Ogos 1, 1985, mengesahkan pemerriannya kepada saya di Provo, Utah kira-kira 1953.
2. Lihat Richard C. Roberts, *Legacy, The History of the Utah National Guard*, 307–14 (National Guard Association of Utah, 2003); *The National Guardsman* (terbitan majalah May 1971); “Miracle at Kap Yong: The Story of the 213th” (filem dibuat oleh Southern Utah University, 2002).
3. Lihat Aron Ralston, *Between a Rock and a Hard Place* (New York, Atria Books, 2004).
4. Aron Ralston, *Between a Rock and a Hard Place*, 248.
5. Lihat *Teachings of the Presidents of the Church, Joseph Smith* (2007), 51.
6. Neal A. Maxwell, “According to the Desire of [Our] Hearts,” *Ensign*, Nov. 1996, 21–22.
7. Lihat Julie B. Beck, “Teaching the Doctrine of the Family,” *Liahona* and *Ensign*, March 2011, 12–17.
8. Surat dari September 14, 2006.